

## Sistem Merit Mahasiswa Rahim Kajai (SEMARAK): Tinjauan Keberkesanan Perlaksanaannya Bagi Sesi Pengajian 2017/2018

Badrulzaman Abdul Hamid, Mohd Noor Shahizan Ali, Mohd Nazren Mohd Zahir, Tee Beng Ann, Ahmad Firdhaus Arham, Amirah Audadi Madzen, Mohamad Khairullah Atan, Nur Alya Adriana Ahmad Sukri & Nurul Aqiela Anastasia Khairodin  
*UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA*

### ABSTRAK

Sistem Merit Mahasiswa Rahim Kajai (SEMARAK) telah diperkenalkan di Kolej Rahim Kajai pada sesi pengajian 2014/2015. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan pengurusan penginapan kolej kediaman berdasarkan tahap penglibatan, pencapaian dan disiplin mahasiswa dalam aktiviti kolej dan universiti. Objektif penulisan ini adalah untuk membincangkan secara terperinci mengenai tinjauan keberkesanan perlaksanaan sistem ini bagi sesi pengajian 2017/2018. Hal ini demikian kerana pihak pengurusan kolej kediaman ingin menambah baik pengurusan sistem ini supaya kelestarian pengaplikasiannya boleh diteruskan bagi sesi pengajian akan datang. Analisis dimulakan dengan pencapaian merit yang telah diperoleh sepanjang sesi pengajian 2017/2018. Seterusnya, seramai 408 orang penghuni kolej ini telah terlibat sebagai responden kajian secara atas talian yang merangkumi seramai 139 orang responden lelaki dan 269 orang responden perempuan. Responden yang terlibat merupakan penghuni tahap pengajian tahun satu hingga tahun tiga yang terdiri daripada mahasiswa fakulti utama di kolej ini iaitu Fakulti Ekonomi & Pengurusan (46.6%), Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (23.8%), Fakulti Sains & Teknologi (22.5%) dan Fakulti Pengajian Islam (7.1%). Data dianalisis secara kuantitatif melalui ujian deskriptif dan turut dianalisis secara kualitatif bagi memahami konsep dan praktis berkaitan persepsi penghuni terhadap perlaksanaan SEMARAK. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti penghuni merasakan sangat setuju bahawa sistem ini adalah sistem yang bersistematik (63.5%). Sistem ini juga telah menggalakkan tahap penyertaan mahasiswa terhadap aktiviti kolej dan universiti (72.3%). Majoriti daripada mereka sangat setuju bahawa sistem ini telah meningkatkan tanggungjawab sosial (74.5%). Manakala 73.3% mengatakan sangat setuju bahawa sistem ini telah meningkatkan disiplin diri mereka. Hasil dapatan kajian kualitatif menunjukkan penghuni kolej ini mempunyai persepsi positif dan negatif terhadap perlaksanaan sistem ini. Persepsi positif yang diperoleh menunjukkan bahawa sistem SEMARAK dijalankan secara sistematik yang mana dimulai dengan penerangan mengenai fungsi dan kaedah perlaksanaannya. Oleh yang demikian, penghuni telah mengambil maklum mengenai tatacara pengumpulan merit. Di samping itu juga, dapatkan menunjukkan bahawa informan secara positif menyatakan sistem ini telah membantu urusan penawaran penginapan kolej pada sesi akan datang. Sistem ini diyakini mudah, cekap dan efisien kepada para penghuni kolej. Namun, terdapat persepsi negatif yang menyatakan pemberian merit tidak mencapai piawaian yang ditetapkan yang mana mempersoalkan ketelusan felo penghuni dalam menilai dan memberikan merit terhadap penglibatan mereka. Di samping itu juga wujud persepsi negatif yang merujuk kepada sikap penghuni kolej yang tidak peka dan ambil endah dengan sistem ini.

**Kata Kunci:** Sistem Merit, Aktiviti, Kolej Kediaman, Universiti

## PENGENALAN

Sistem Merit Mahasiswa Rahim Kajai (SEMARAK) telah diperkenalkan di Kolej Rahim Kajai pada sesi pengajian 2014/2015. Sistem ini bertujuan untuk memudahkan proses pemilihan mahasiswa dan mahasiswi untuk tawaran penginapan kolej kediaman berdasarkan tahap penglibatan, pencapaian dan disiplin mahasiswa dalam aktiviti kolej dan universiti. Kolej Rahim Kajai mampu menempatkan seramai 800 orang penghuni dalam satu-satu masa. Oleh yang demikian, SEMARAK diwujudkan sebagai salah satu panduan dalam proses pemilihan pelajar untuk ditawarkan penginapan pada sesi yang berikutnya. Sistem ini bermula sewaktu kepimpinan Prof. Madya Dr. Roslee bin Rajikan, Pengetua Kolej dan Dr. Norinsan Kamil bin Othman, Timbalan Pengetua Kolej pada sesi 2014/2015. Sistem ini adalah cetusan idea Encik Tee Beng Ann, Felo Kolej Rahim Kajai dan dimurnikan bersama-sama barisan Majlis Felo sesi 2014/2015. Bagi memudahkan dan menjadikan sistem merit ini lebih bersistematik, beberapa pindaan dan penambahbaikan telah dilakukan pada sesi 2016/2017 dengan penambahan borang SEMARAK secara atas talian.

SEMARAK merupakan sistem merit (tambah atau tolak) berdasarkan kepada pencapaian, disiplin dan tahap penglibatan mahasiswa kolej. Objektif SEMARAK dilaksanakan adalah untuk menentukan tahap penglibatan, penerapan sikap bertanggungjawab, tahap disiplin, serta keaktifan mahasiswa dalam aktiviti kolej juga universiti. Perlaksanaan proses pemberian markah berada di bawah tanggungjawab Majlis Felo KRK dan dikuatkuasakan sepenuhnya oleh Badan Khas SEMARAK. Konsep SEMARAK adalah merit yang hanya akan diberikan kepada mahasiswa yang menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh kolej, fakulti dan UKM. Selain itu, mahasiswa yang memberikan perkhidmatan dari segi tanggungjawab sosial juga layak untuk mendapat merit kolej. Kaedah pemberian merit dilakukan melalui Borang SEMARAK atas talian yang perlu diisi oleh penghuni KRK. Sistem ini juga menjadi petunjuk prestasi utama (KPI) dan strategi bagi kolej dalam beberapa perkara seperti jumlah permarkahan merit dan anugerah sebagai penghargaan penglibatan pelajar.

Penulisan ini bertujuan untuk membincangkan secara terperinci mengenai tinjauan keberkesanan perlaksanaan sistem ini bagi sesi pengajian 2017/2018. Hal ini kerana, pihak pengurusan kolej kediaman ingin membuat penambahbaikan dalam pengurusan sistem ini supaya kelestarian aplikasinya dapat diteruskan bagi sesi pengajian yang akan datang. Data yang diperoleh telah dianalisis untuk melihat persepsi dan pandangan yang telah disuarakan oleh penghuni kolej terhadap keberkesanan sistem ini.

## KAJIAN LEPAS

Sistem merit merupakan satu inisiatif yang diwujudkan oleh pihak pentadbiran dan pengurusan untuk melihat rekod penglibatan dan disiplin pelajar secara keseluruhan. Dalam kajian Sistem Merit Demerit Pelajar (SMDP) oleh Brundang dan Nyua (2003), SMDP dilihat telah berjaya memenuhi kehendak dan keperluan pengguna namun demikian, terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki untuk keperluan pada masa hadapan. SMDP diwujudkan untuk merekod penglibatan dan masalah disiplin bagi meminimumkan masalah disiplin pelajar yang semakin membimbangkan serta sebagai satu usaha untuk menaik taraf sistem manual pengurusan disiplin yang kurang efisien. Oleh itu, pengkaji cuba membangunkan sebuah sistem berkomputer yang lebih efektif dan efisien untuk kegunaan pihak yang berkenaan yang mana urusan penjumlahan mata merit berdasarkan penglibatan pelajar dalam program menjadi lebih mudah.

Kajian ini mempunyai persamaan dengan sistem SEMARAK yang diwujudkan di Kolej Rahim Kajai kerana dalam membentuk disiplin dan melatih mahasiswa untuk sentiasa menyahut cabaran serta sentiasa kehadapan adalah perlu bagi kolej kediaman untuk mempunyai sebuah sistem yang akan menentukan keaktifan mahasiswa terhadap aktiviti yang diceburi. SMDP juga diwujudkan untuk menunjukkan rasa adil kepada semua pelajar dengan merekodkan setiap aktiviti yang telah diceburi oleh para pelajar (Brundang & Nyua 2003). Rekod penglibatan pelajar dalam setiap aktiviti disimpan dalam sebuah pangkalan data. Penyimpanan rekod dalam pengkalan data dapat menjimatkan ruang dan rekod ini dapat dirujuk serta diperoleh dengan mudah sekiranya diperlukan. Namun begitu, terdapat kelomongan dalam kajian ini di mana pengkaji hanya menggunakan pelajar sekolah sebagai batasan kajian.

Kegagalan mahasiswa dalam menembusi pasaran kerja sering dikaitkan dengan isu mahasiswa tidak menepati ciri-ciri yang diperlukan oleh industri seperti kemahiran komunikasi, kualiti peribadi dan kemahiran interpersonal. Keterampilan dalam akademik semata-mata tidak mampu untuk menjamin peluang pekerjaan disebabkan persaingan sengit dalam pasaran pekerjaan masa kini. Majikan tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik sahaja tetapi turut mengambil kira penguasaan kemahiran insaniah yang ada pada diri graduan (Noor Azyani 2012). Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dilihat dapat memberi latihan dan pendidikan awal, khususnya dari aspek kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan (Lokman dan Osmayati 2010) Oleh itu, penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh universiti amatlah digalakkan dan peluang tersebut perlulah digarap sebagai inisiatif mahasiswa untuk mempersiapkan diri dalam menghadapi cabaran setelah tamat pengajian.

Berdasarkan perbincangan di atas, maka dapat dirumuskan bahawa penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kokurikulum sememangnya penting dan menjadi wadah kepada pembinaan kemahiran generik dalam diri pelajar di samping dapat membentuk mahasiswa yang berdaya saing dan produktif. Untuk itu, sebuah sistem yang baik dan bersistematik perlu diwujudkan bagi mengurus dan merekod penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dalam pelbagai peringkat sama ada kolej kediaman, fakulti maupun universiti. Sistem yang baik dapat menimbulkan rasa adil dalam diri mahasiswa, khususnya apabila sistem yang melibatkan pengumpulan markah merit amat dititikberatkan dalam proses pemilihan pelajar untuk ditawarkan penginapan pada sesi yang berikutnya.

## METODOLOGI

Analisis kajian ini melibatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang dijalankan secara berasingan. Kaedah kuantitatif dimulai dengan analisis deskriptif dapatan merit penghuni Kolej Rahim Kajai bagi sesi pengajian 2017/2018. Analisis perbandingan purata merit yang dicapai bagi sesi pengajian 2015/ 2016, 2016/2017 dan 2017/2018 turut dikaji untuk melihat pencapaian yang diperoleh oleh penghuni Kolej Rahim Kajai. Seterusnya kajian kuantitatif diteruskan ke atas responden dalam kalangan penghuni Kolej Rahim Kajai yang terdiri daripada empat fakulti utama kolej ini, iaitu Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dan Fakulti Pengajian Islam. Kajian diteruskan dengan kajian kualitatif dengan melihat persepsi penghuni terhadap perlaksanaan SEMARAK. Secara umumnya, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk membincangkan secara terperinci mengenai tinjauan keberkesanan perlaksanaan SEMARAK melalui soal selidik secara atas talian dan temu bual.

### **Kajian Kuantitatif**

Dalam konteks kajian kuantitatif ini, pemilihan soal selidik adalah strategi yang menjimatkan masa dan wang dalam pengumpulan data kajian (Zikmund et al. 2010). Malahan jawapan yang bakal diterima berbentuk seragam dan teratur seperti mana yang telah diperjelaskan dalam kajian Gillham (2000) dan Brown (2001). Instrumen kajian ini adalah satu set soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A merangkumi latar demografi responden iaitu jantina, bangsa, blok kediaman, fakulti dan tahun pengajian. Bahagian B pula terdiri daripada empat item berkenaan dengan sistem merit ini. Instrumen ini menggunakan skala likert satu hingga empat bermula dengan Sangat Setuju, Setuju, Kurang Setuju dan Tidak Setuju (Likert 1932). Teknik persampelan rawak mudah dijalankan untuk menentukan jumlah sampel kajian kuantitatif. Persampelan rawak mudah dipilih kerana semua sampel berpeluang dan mempunyai kebarangkalian yang tinggi sebagai responden (Merrigan dan Huston 2004). Secara umumnya, jumlah penghuni Kolej Rahim Kajai adalah seramai 813 orang. Oleh yang demikian, teknik persampelan menggunakan kaedah Krecjie dan Morgan (1970) bagi saiz maksimum keseluruhan sampel bagi kedua-dua sampel ini adalah sebanyak 165 sampel responden. Namun begitu, kajian ini telah dijalankan secara terbuka dan sukarela dan telah memperoleh sebanyak 408 orang responden.

### **Kajian Kualitatif**

Kajian kualitatif menggunakan pendekatan semulajadi atau *natural* dalam memahami dengan lebih mendalam sesuatu fenomena dalam konteks yang khusus seperti yang diingini dalam kajian ini. Kemmis dan McTaggart berpendapat objektif utama kaedah kualitatif ialah membantu pengkaji memulihkan dan melepaskan mereka daripada situasi yang tidak jelas, tidak adil, tidak rasional berkaitan struktur sosial yang menyekat pembangunan dan kemajuan individu serta masyarakat (Kemmis dan McTaggart 2000). Dalam konteks kajian ini, kaedah kualitatif digunakan bagi memahami konsep dan praktis berkaitan persepsi penghuni terhadap perlaksanaan SEMARAK. Kajian ini menggunakan metod pengumpulan data dengan menggunakan sumber primer, iaitu temu bual. Seramai enam orang informan telah memberi kerjasama dan membenarkan temu bual ini direkodkan menggunakan alat perakam suara daripada telefon pintar android model Redmi 5 versi 7.1.2 N2G47H. Rakaman ini bertujuan membolehkan rekod yang kekal dan membenarkan pengkaji memberikan perhatian terhadap temu bual tersebut. Seluruh temu bual telah dirakam dan disalin semula dalam bentuk transkrip ke dalam fail *Microsoft Word* dan sedia untuk dilampirkan dalam program *NVivo 2.0* untuk proses penganalisaan data. Metod temu bual dijalankan secara mendalam dalam keadaan terbuka dan bebas berbanding secara tersusun dan formal bertujuan agar mendapatkan maklumat yang jelas daripada perspektif informan tanpa jangkaan awal daripada pengkaji. Dalam kajian SEMARAK ini, enam informan dipilih berdasarkan persampelan kuota yang terdiri daripada tiga kuota yang ditetapkan, iaitu berdasarkan tahun pengajian iaitu tahun satu, tahun dua dan tahun tiga. Kenam-enam informan ini merupakan penghuni Kolej Rahim Kajai yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kolej dan universiti sekali gus menggunakan SEMARAK. Sampel informan untuk temu bual dikategorikan mengikut kuota tahun pengajian masing-masing seperti berikut:


Jadual 1: Senarai nama informan kajian dan tahun pengajian

Label	Nama Informan	Tahun Pengajian
Informan 1	Sol	1
Informan 2	Nurul Nadia	1
Informan 3	Aqil Ameerel	2
Informan 4	Daus	2
Informan 5	Azwadie Azman	3

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### ***Pencapaian Merit dan Penglibatan Penghuni Kolej Rahim Kajai dalam SEMARAK***

Proses memasukkan markah merit ke dalam SEMARAK bagi sesi 2017/2018 telah berakhir pada 9 April 2018. Berikut adalah daptan yang diperoleh daripada pencapaian merit mahasiswa Kolej Rahim Kajai bagi sesi 2017/2018.



Rajah 1: Pencapaian merit mahasiswa sesi 2017/2018

Sumber: Merit SEMARAK atas talian

Rajah 1 menunjukkan bahawa merit terkumpul bagi pelajar tahun satu adalah lebih tinggi berbanding pelajar tahun dua dan tiga. Dalam kalangan pelajar tahun satu, pelajar perempuan mencatatkan pencapaian merit yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki, manakala bagi pelajar tahun dua dan tiga pula, pencapaian merit pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Dapatkan turut menunjukkan bahawa purata pencapaian merit keseluruhan bagi ketiga-tiga tahun pengajian adalah sebanyak 436 dan hanya pelajar tahun satu dan pelajar lelaki tahun dua sahaja yang melepas purata merit keseluruhan.

Jadual 2 menunjukkan perbandingan pencapaian merit bagi tiga sesi pengajian, iaitu sesi 2015/2016, 2016/2017 dan 2017/2018. Sekiranya diteliti pada jadual, dapat dirangkumkan bahawa peratusan pelibatan pelajar dalam SEMARAK telah meningkat daripada 52.8 peratus (2015/2016) kepada 77.0 peratus (2016/2017). Perkara ini menunjukkan bahawa SEMARAK telah dilaksanakan secara lancar dan berterusan sejak sesi 2015/2016. Namun begitu, peratusan

penglibatan pelajar dalam SEMARAK yang tinggi pada sesi 2017/2018 (98.3 peratus) tidak boleh diambil kira disebabkan pada sesi tersebut semua pelajar digalakkan untuk turun mengundi pada Pilihan Raya Kampus dan turut diberi merit tambahan secara langsung.

**Jadual 2: Jadual perbandingan pencapaian merit bagi sesi 2015/2016 hingga 2017/2018**

Sesi	Tahun	Bilangan	Peratus pelajar terlibat (%)	Purata merit	Jumlah merit diberi	Merit maksimum
2017/	1	42.4	98.0	624	217662	2120
	2	33.7	98.9	405	112107	2495
	3	23.9	98.0	148	29220	1095
	Keseluruhan	100.0	98.3	436	358989	2495
2016/	1	42.9	91.1	869	301590	2910
	2	27.7	79.0	522	117004	3540
	3	29.4	54.6	134	31958	2630
	Keseluruhan	100.0	77.0	557	450552	3540
2015/	1	33.6	83.0	774	200817	2305
	2	29.8	51.0	335	80180	2370
	3	36.6	26.5	116	34208	1735
	Keseluruhan	100.0	52.8	393	315205	2370

Sumber: Merit SEMARAK atas talian

Purata merit yang dicapai oleh pelajar Kolej Rahim Kajai menunjukkan peningkatan, iaitu daripada 393 (sesi 2015/2016) kepada 557 (sesi 2016/2017). Peningkatan ini didorong oleh faktor pertambahan peratus pelajar yang terlibat dalam SEMARAK sepanjang dua sesi pengajian tersebut. Selain itu, pemberian merit kehadiran sewaktu menjalani latihan dan komitmen kepada atlet dan peserta kebudayaan turut menjadi faktor kepada peningkatan purata merit pencapaian pada sesi 2016/2017. Walaubagaimanapun, purata merit yang dicapai oleh pelajar pada sesi 2017/2018 mengalami penurunan sebanyak 121 berbanding sesi 2016/2017. Faktor kepada penurunan ini berkemungkinan disebabkan perubahan dalam pemberian merit pada sesi tersebut, di mana pemberian merit bagi persatuan dan biro hanya diberi mengikut sesi (satu kali) dan tidak lagi mengikut semester (dua kali) seperti sesi sebelumnya.

Jadual ini turut menunjukkan bahawa pencapaian merit tertinggi bagi pelajar tahun dua mendahului pelajar tahun satu dan tiga di Kolej Rahim Kajai. Hal ini demikian kerana, kebanyakan jawatankuasa tertinggi dalam biro/ persatuan/ program terdiri daripada pelajar tahun dua. Bukan itu sahaja, pengalaman yang mereka peroleh sewaktu berada di tahun satu menjadikan mereka lebih peka dengan info berkenaan program-program yang dijalankan di Kolej Rahim Kajai. Merit tertinggi bagi pelajar tahun satu juga merupakan antara yang tertinggi selepas tahun dua dan dapatkan ini didorong oleh faktor galakkan penglibatan pelajar tahun satu sebagai golongan sasaran dalam hampir ke semua program kolej. Purata merit tertinggi bagi pelajar tahun tiga pula merupakan yang terendah. Dapatkan ini disokong oleh faktor kebanyakan pelajar tahun tiga (pelajar tahun akhir) tidak lagi menyertai program atau aktiviti yang

dianjurkan oleh kolej oleh sebab mereka tidak memerlukan merit dan tidak terlibat dalam permohonan penginapan.

### **Tahap Keberkesanan Pelaksanaan SEMARAK**

Jadual 3: Ringkasan latar belakang demografi kajian

<b>Latar Belakang</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	139	34.1
Perempuan	269	65.9
<b>Bangsa</b>		
Melayu	303	74.3
Cina	71	17.4
India	32	7.8
Lain-lain	2	0.5
<b>Blok Kediaman</b>		
Flatlet Lelaki	9	2.2
Flatlet Perempuan	23	5.6
Blok K16A	69	16.9
Blok K16B	61	15.0
Blok K16C	56	13.7
Blok K16D	49	12.0
Blok K16E	74	18.1
Blok K16F	67	16.4
<b>Fakulti</b>		
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	190	46.6
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	97	23.8
Fakulti Sains dan Teknologi	92	22.5
Fakulti Pengajian Islam	29	7.1
<b>Tahun Pengajian</b>		
Tahun Satu	264	64.7
Tahun Dua	118	28.9
Tahun Tiga	26	6.4


Seterusnya kajian kuantitatif diteruskan dengan dapatan soal selidik yang telah dijalankan. Jadual 3 adalah ringkasan latar belakang demografi bagi kajian ini. Seramai 139 orang responden lelaki dan 269 orang responden perempuan telah terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 303 orang responden berbangsa Melayu, 71 orang responden berbangsa Cina, 32 orang responden berbangsa India dan dua orang responden berbangsa lain-lain. Sebanyak 264 orang responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar tahun satu, 118 orang responden adalah pelajar tahun dua dan 26 orang responden adalah pelajar tahun tiga. Mengikut pecahan fakulti pula, majoriti responden terdiri daripada mahasiswa yang menuntut di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dengan bilangan 190 orang, diikuti Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan seramai 97 orang, Fakulti Sains dan Teknologi seramai 92 orang dan Fakulti Pengajian Islam seramai 29 orang sahaja. Julat pecahan responden mengikut blok pula bermula dari bilangan 9 orang responden (Flatlet Lelaki) hingga 74 orang responden (Blok K16E).

Jadual 3: Klasifikasi skor min bagi dapatan analisis item

Skor min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.00 – 4.00	Tinggi

Sumber: Jamil 2002

Klasifikasi tahap skor min bagi dapatan analisis item-item mengenai sistem merit ini mengikut tatacara yang telah dicadangkan oleh Jamil Ahmad (2002) seperti yang telah dijelaskan dalam Jadual 3.



Rajah 3: Dapatan skor min item

Rajah 3 menunjukkan dapatan nilai skor min yang diperoleh berdasarkan item-item yang telah diutarakan dalam soal selidik. Skor min soalan pertama mengenai sistem SEMARAK ini dikendalikan secara sistematik adalah sebanyak 3.60 (tinggi). Bagi skor min soalan kedua mengenai sistem SEMARAK telah menggalakkan penyertaan aktiviti kolej dan universiti adalah sebanyak 3.68 (tinggi). Manakala skor min soalan ketiga pula mempersoalkan tentang sistem SEMARAK meningkatkan tanggungjawab sosial dengan nilai minnya 3.72 (tinggi) dan skor min soalan terakhir sistem SEMARAK meningkatkan disiplin menunjukkan nilai skor min 3.71 (tinggi).

Seterusnya Jadual 4 menunjukkan dapatan secara peratusan bagi item-item dalam kajian ini. Dapatan analisis ini menunjukkan bahawa sebanyak 63.5 peratus penghuni kolej ini sangat setuju bahawa sistem merit ini sangat bersistematis. Manakala 72.3 peratus pula menyatakan persetujuan bahawa sistem SEMARAK ini telah menggalakkan penyertaan aktiviti kolej dan universiti. Sebanyak 74.5 peratus responden telah bersetuju bahawa sistem SEMARAK ini meningkatkan tanggungjawab sosial dan 73.3 peratus responden menyatakan sistem ini telah meningkatkan disiplin diri terhadap peraturan kolej dan universiti. Secara keseluruhannya, dapatan analisis skor min dan dapatan nilai peratusan persetujuan bagi soal selidik ini menunjukkan sistem SEMARAK ini sangat sistematis, menggalakkan penyertaan aktiviti, meningkatkan tanggungjawab sosial dan disiplin diri.

Jadual 4: Peratusan item-item dalam kajian

<b>Item</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Soalan 1: Sistem SEMARAK sangat sistematis?</b>	
Sangat Setuju	63.5
Setuju	33.1
Kurang Setuju	3.4
Tidak Setuju	-
<b>Soalan 2: Sistem SEMARAK menggalakkan penyertaan aktiviti kolej dan universiti?</b>	
Sangat Setuju	72.3
Setuju	23.5
Kurang Setuju	3.9
Tidak Setuju	0.3
<b>Soalan 3: Sistem SEMARAK menerapkan sikap menunaikan tanggungjawab sosial?</b>	
Sangat Setuju	74.5
Setuju	22.5
Kurang Setuju	2.9
Tidak Setuju	-
<b>Soalan 4: Sistem SEMARAK meningkatkan tahap disiplin diri terhadap peraturan kolej dan universiti?</b>	
Sangat Setuju	73.3
Setuju	24.8
Kurang Setuju	2.0%
Tidak Setuju	-

#### Persepsi Penghuni Kolej Rahim Kajai Terhadap SEMARAK

Hasil analisis temu bual melalui proses pengkodan menunjukkan terdapat dua tema utama persepsi informan terhadap SEMARAK iaitu persepsi positif (Jadual 5) dan persepsi negatif (Jadual 6). Kategori, subkategori, kod, dan kekerapan setiap kod ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 5: Kategori dan subkategori persepsi positif

<b>Kategori</b>	<b>Subkategori</b>	<b>Kod</b>	<b>Kekerapan</b>
Panduan (PP)	Panduan dalam memahami latarbelakang SEMARAK	PP1	25
			22
	Panduan dalam mengisi markah merit	PP2	
Penyelesaian masalah (PM)	Permohonan penempatan mendatang	PM1	30
		PM2	12
	Menjadi nilai tambah dalam pengisian resume		
Kepercayaan terhadap SEMARAK (PK)	Yakin dengan SEMARAK	PK1	28
	Berkesan dan efisien	PK2	18

Analisis temu bual dengan enam informan dalam kajian ini menunjukkan bahawa informan mempunyai persepsi positif ke atas SEMARAK (Jadual 5). Hal ini demikian kerana, di setiap awal sesi pembelajaran, para pelajar telah diberi penerangan yang jelas berkenaan latar belakang SEMARAK dari sudut fungsinya dan kaedah penggunaannya. Penerangan telah diberikan oleh pegawai pentadbir kolej dan felo penghuni yang bertanggungjawab menyelaras sistem merit ini. Senarai contoh aktiviti dan jumlah merit mengikut tahap dan peringkat penglibatan pelajar sama ada dalam aktiviti kolej mahupun universiti turut dipaparkan dalam pembentangan dan jelas sekali memberi kefahaman kepada para pelajar terhadap sistem merit ini. Justeru pelajar lebih bersedia untuk merancang perjalanan aktiviti mereka untuk dua semester mendatang dan berusaha mencapai target jumlah merit berdasarkan panduan merit yang telah dijelaskan.

Seterusnya, dengan kefahaman terhadap fungsi dan kaedah penggunaan SEMARAK ini, para informan lebih kerap menyatakan bahawa mereka yakin sistem ini mampu menjadi solusi kepada masalah dalam menentukan keputusan penempatan pelajar di kolej pada sesi berikutnya apabila jumlah merit terkumpul dijadikan salah satu faktor utama dalam memilih pelajar yang layak untuk ditawarkan penempatan pada sesi berikutnya. Selain itu, pihak kolej juga akan menyediakan sijil penghargaan kepada para penghuni kolej yang mencapai standard atau piawaian jumlah merit terkumpul yang ditetapkan oleh kolej pada hujung setiap sesi. Informan percaya bahawa pemberian sijil penghargaan ini boleh dijadikan nilai tambah dalam pengisian resume mereka, lalu mereka akan berusaha keras untuk mendapatkan sijil penghargaan ini. Informan juga memberi kata yakin terhadap SEMARAK ini lantaran tujuan dan fungsinya yang jelas dan mampu menyelesaikan masalah penentuan penawaran penempatan pelajar. Sistem yang mudah ini dikatakan cekap, efisien dan berkesan kepada para penghuni kolej. Pelajar hanya perlu mengisi sistem merit ini secara atas talian melalui telefon pintar atau pun komputer tanpa perlu berurusan secara bersemuka dengan pegawai tadbir atau felo penghuni.

Jadual 6 : Kategori dan subkategori persepsi negatif

<b>Kategori</b>	<b>Subkategori</b>	<b>Kod</b>	<b>Kekerapan</b>
SEMARAK tidak jelas akan fungsinya (NF)	Tidak tahu keutamaan kriteria pemilihan pelajar untuk penempatan adalah berdasarkan merit	NF1	15
	Tidak jelas akan standard atau piawaian dalam pemberian markah merit	NF2	22
Ketelusan dan kesahan dalam pengisian markah merit (NK)	Ragu-ragu terhadap felo atau pegawai pentadbir yang memberi markah merit	NK1	28
	Markah merit tidak diuar-uarkan secara umum	NK2	30
Sikap pelajar (NS)	Pelajar tidak peka terhadap aktiviti anjuran kolej dan universiti	NS1	28
	Pelajar tidak peka terhadap jangka masa yang ditetapkan untuk mengisi SEMARAK secara atas talian	NS2	25

Analisis temu bual pada Jadual 6 dapat memperlihatkan satu lagi persepsi informan terhadap SEMARAK, iaitu persepsi negatif. Informan lantang menyatakan ketidakfahaman mereka terhadap keutamaan kriteria yang ditentukan dalam sistem ini sekali gus mempersoalkan kejelasan dalam standard dan piawaian dalam pemberian markah merit. Informan menyatakan pemberian markah merit tidak selari dan sama untuk setiap aktiviti walaupun peringkat aktiviti itu adalah sama dengan aktiviti sebelumnya begitu juga dengan tahap penglibatan pelajar yang dikatakan berubah-ubah tanpa mengikut standard yang telah dijelaskan semasa penerangan merit di awal sesi. Rentetan isu ini, informan dengan lebih kerap menambah kata terhadap persepsi negatif mereka apatah lagi kepada pegawai pentadbir atau felo penghuni yang bertanggungjawab mengisi jumlah merit ini. Mereka ragu-ragu akan ketulusan felo ini dalam mengisi markah merit, apakah mereka mengikut piawaian ataupun berdasarkan kecenderungan minat atau pengaruh terhadap seseorang pelajar. Dengan kata lain ialah berat sebelah. Tambahan pula, markah merit langsung tidak pernah dipaparkan secara umum kepada para penghuni kolej sama ada melalui atas talian ataupun ditampal di papan kenyataan kolej. Oleh yang demikian, informan langsung tidak tahu akan jumlah merit terkumpul mereka untuk setiap semester. Namun begitu, informan juga menyatakan pendapat berkenaan sikap pelajar sendiri yang tidak peka terhadap sebarang aktiviti kolej mahupun universiti dan langsung tidak menunjukkan minat untuk menyertai aktiviti sedemikian. Pelajar juga tidak peka akan jangka masa yang ditetapkan oleh pegawai pentadbir kolej dan felo penghuni untuk mereka mengisi boring merit selepas selesai sesuatu aktiviti. Maka ada pelajar yang terlepas masa untuk mengisi merit ini lantas meritnya kosong untuk aktiviti tersebut.

## SUMBANGAN DAN FAEDAH KAJIAN

Hasil kajian berpotensi memberi pemahaman yang jelas tentang fungsi SEMARAK dan peranannya dalam menentukan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kolej serta memudahkan pengurusan penginapan kolej kediaman berdasarkan tahap penglibatan, pencapaian dan disiplin mahasiswa. Selain itu, ilmu yang dijana dapat menyumbang kepada korpus ilmu kajian sistem merit dan dapat digunakan untuk menilai penglibatan serta pencapaian pelajar dalam aktiviti yang dianjurkan diperingkat kolej kediaman, fakulti atau universiti. Secara tidak langsung, kajian ini juga dapat memperluas penggunaan sistem merit di peringkat kolej kediaman dan kelebihan ini dapat membantu kolej kediaman dalam membentuk sistem pemberian merit yang lebih sistematik di samping dapat meminimumkan penyalahgunaan kuasa sewaktu proses pemilihan pelajar untuk urusan penginapan pada sesi seterusnya.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini dilakukan hanya untuk meninjau keberkesanan pelaksanaanya dalam kalangan mahasiswa Kolej Rahim Kajai. Oleh itu, kajian selanjutnya perlu mengambil kira gabungan merit dan kemahiran insaniah bagi menilai keberkesanan pelaksanaanya dalam menggilap serta membentuk potensi dalam diri mahasiswa.

Memandangkan sampel kajian ini terhad kepada tinjauan keberkesanan sistem merit yang dibangunkan oleh Kolej Rahim Kajai, kajian lanjutan yang lebih luas merangkumi

perbandingan sistem merit antara kolej kediaman di Universiti Kebangsaan Malaysia atau Institut Pengajian Tinggi di Malaysia mungkin wajar difikirkan untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh berhubung dengan keberkesanannya.

## RUMUSAN

Kajian terhadap keberkesanannya SEMARAK telah dijalankan dengan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dijalankan bertujuan untuk menilai dapatan kajian secara deskriptif mengenai penerimaan penghuni terhadap sistem ini. Manakala kaedah kualitatif pula dijalankan untuk mendapatkan penjelasan dan kefahaman konsep dan praktis berkaitan persepsi penghuni terhadap sistem ini. Implikasi SEMARAK memainkan peranan besar di dalam menentukan penglibatan Pelajar dalam aktiviti-aktiviti kolej serta memudahkan pengurusan penginapan kolej kediaman dilakukan berdasarkan beberapa klasifikasi seperti penglibatan, pencapaian dan disiplin mahasiswa yang sekaligus dapat meminimumkan penyalahgunaan kuasa ketika proses pemilihan penginapan pelajar untuk sesi hadapan kerana sistem ini dipantau oleh felo-felo penghuni kolej kediaman.

Hasil dapatan kajian kuantitatif menunjukkan lebih daripada separuh pelajar yang terlibat dengan sistem merit ini bersetuju bahawa sistem ini bersistematis. Hal ini kerana mereka memerlukan merit atas dasar tiket sebagai jaminan mereka untuk mendapat tempat penginapan kolej bagi sesi hadapan. Sistem ini juga telah dijalankan secara telus dalam pemilihan status penginapan pelajar serta telah mendorong mereka untuk menyertai aktiviti kesukarelawanan sosial, dan meningkatkan disiplin diri terhadap peraturan kolej dan universiti. Malah, peratusan penglibatan pelajar yang paling tinggi jatuh kepada pelajar tahun dua kerana kebanyakannya daripada mereka memonopoli jawatankuasa tertinggi dalam biro dan persatuan dan diikuti dengan pelajar tahun satu. Hal ini menunjukkan pelajar tahun dua telah memperolehi pengalaman daripada tahun sebelumnya, menjadikan mereka lebih peka dengan informasi berkaitan dan cenderung untuk melibatkan diri di dalam program-program kolej yang dijalankan sepanjang sesi.

Hasil dapatan kajian kualitatif menunjukkan penghuni kolej ini mempunyai persepsi positif dan negatif terhadap perlaksanaan sistem ini. Persepsi positif yang diperolehi merujuk kepada sistem SEMARAK ini dijalankan secara sistematis yang mana dimulai dengan penerangan mengenai fungsi dan kaedah perlaksanaannya. Oleh yang demikian, penghuni telah mengambil maklum mengenai tatacara pengumpulan merit. Di samping itu juga, dapatan menunjukkan bahawa informan secara positif menyatakan sistem ini telah membantu penginapan kolej pada sesi akan datang. Sistem ini diyakini mudah, cekap dan efisien kepada para penghuni kolej. Namun, terdapat persepsi negatif yang menyatakan pemberian merit tidak mencapai standard dan piawaian yang ditetapkan yang mana mempersoalkan ketelusan felo penghuni dalam menilai dan memberikan merit terhadap penglibatan mereka. Disamping itu juga wujud persepsi negatif yang merujuk kepada sikap penghuni kolej yang tidak peka dan ambil endah dengan sistem ini.

Rumusannya, sistem merit ini perlu diteruskan dan ditambah baik lagi untuk diteruskan di Kolej Rahim Kajai. Malahan sistem ini juga boleh digunakan di seluruh kolej-kolej kediaman di peringkat Universiti Kebangsaan Malaysia mahupun di peringkat universiti-universiti awam yang lain.

## RUJUKAN

- Brown, J. D. 2001. *Using Surveys In Language Programs*. Cambridge: CUP.
- Brundang, L. & Nyua, M. 2003. Sistem Merit Demerit Pelajar (SMDP). Laporan Kursus Ijazah Teknologi Maklumat, Universiti Malaysia Sarawak.
- Gillham, B. 2000. *Developing a Questionnaire*. London: Continuum.
- Jamil Ahmad. 2000. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: satu penilaian. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kemmis, S. & McTaggart, R. 1988. *The Action Research Reader* (Ed. Ke-3). Geelong, Australia: Deakin University Press.
- Krejcie, R. & Morgan, D. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Likert, R. 1932. A technique for measurement of attitude. *Archives of Psychology* 140: 5-55.
- Lokman, M. T. & Osmayati, O. 2010. Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) Kepada Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Langkawi. Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) Kepada Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Daerah Langkawi. [http://eprints.utm.my/id/eprint/11595/1/Keperluan\\_Aktiviti\\_Kokurikulum.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/11595/1/Keperluan_Aktiviti_Kokurikulum.pdf) [15 Jun 2018].
- Merrigan, G. & Huston, C.L. 2004. *Communication Research Methods*. California: Wadsworth.
- Noor Azyani, J. 2012. Pembangunan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Menerusi Aktiviti Kokurikulum Khidmat Masyarakat dalam Kalangan Pelajar UTHM. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zikmund, W. G., Babin, B. R., Carr, J. C. & Griffin, M. 2010. *Business Research Methods*. (Cengage Learning, Ed.) Ed. ke-8.